



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)

PENINGKATAN HAD SILING GAJI DARI RM5,000 KEPADA RM6,000 DI BAWAH AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969 [AKTA 4] DAN AKTA SISTEM INSURANS PEKERJAAN 2017 [AKTA 800]

1. Bilakah tarikh kuatkuasa had siling gaji baharu RM5,000 ke RM6,000?

-
- Tarikh kuatkuasa had siling gaji baharu RM5,000 ke RM6,000 adalah pada **01 Oktober 2024**.

2. Adakah had siling gaji baharu terpakai untuk pekerja asing dan pekerja tempatan?

-
- Ya. Walau bagaimanapun, pekerja asing tidak diliputi di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 (Akta 800).

3. Adakah dengan peningkatan had siling gaji baharu RM5,000 ke RM6,000 kadar faedah meningkat?

-
- Ya. Kadar faedah meningkat selaras peningkatan had siling gaji baharu ini.

4. Bagaimanakah majikan boleh mendapat maklumat kadar caruman baharu?

-
- Majikan boleh mendapatkan maklumat kadar caruman baharu dengan melayari laman web PERKESO di www.perkeso.gov.my

5. Bagaimanakah majikan boleh mendapatkan maklumat Pekeliling Majikan?

- Majikan boleh mendapatkan maklumat Pekeliling Majikan mengenai peningkatan had siling gaji baharu RM5,000 ke RM6,000 dengan melayari laman web PERKESO di www.perkeso.gov.my.

6. Nyatakan tempoh peralihan majikan untuk mematuhi kadar caruman yang baharu?

- Tempoh peralihan majikan untuk mematuhi kadar caruman yang baharu adalah selama enam (6) bulan mulai dari 01 Oktober 2024 hingga 31 Mac 2025.

7. Adakah majikan akan dikenakan penalti (FCLB) di dalam tempoh peralihan?

- Tidak.

8. Adakah majikan wajib mematuhi kadar siling gaji baharu?

- Ya, kerana ianya merupakan keperluan mandatori dari segi undang-undang.

9. Adakah semua kakitangan awam yang layak dicarum mengikut kadar siling gaji baharu?

- Ya, bagi kakitangan awam yang berstatus kontrak dan sementara di bawah Akta 4. Walau bagaimanapun, kakitangan awam tidak diliputi di bawah Akta 800.

10. Berapakah kadar caruman Jenis Pertama bagi gaji yang melebihi RM5,900 tetapi tidak melebihi RM6,000 bagi pindaan baharu?

- Kadar caruman tersebut adalah RM133.90.

11. Berapakah kadar caruman bagi gaji yang melebihi RM6,000?

- Kadar caruman bagi gaji yang melebihi RM6,000 adalah sebanyak RM133.90 bagi Jenis Pertama dan RM74.40 bagi Jenis Kedua di bawah Akta 4. Manakala bagi Akta 800 adalah sebanyak RM23.80.

12. Bagaimanakah pembayaran caruman boleh dibuat?

- Majikan boleh membuat pembayaran caruman melalui kaedah berikut :-
 - (i) Pembayaran melalui *Online Portal* (FPX)
 - (ii) Perbankan internet
 - (iii) *Direct Debit Authorisation* (DDA)
 - (iv) Kaunter Bank yang dilantik sebagai ejen pemungut seperti berikut :-
 - Maybank Berhad
 - Public Bank Berhad
 - RHB Bank Berhad

13. Berapakah kadar caruman (Pindaan 2024) yang perlu dibayar oleh majikan dan pekerja di bawah Akta 4 dan Akta 800?

- Kadar caruman yang perlu dibayar adalah sebagaimana ditetapkan pada Jadual Ketiga, Akta 4 dan Jadual Kedua, Akta 800 ataupun boleh dirujuk di pautan www.perkeso.gov.my.

Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi *Careline PERKESO* di talian 1-300-22-8000 atau layari laman web rasmi PERKESO di www.perkeso.gov.my atau e-mel kepada perkeso@perkeso.gov.my

Dikeluarkan oleh:

PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL (PERKESO)

Dikemaskini pada : 01 OKTOBER 2024